



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Faktor Sikap, Motivasi dan Jantina Mempengaruhi Penguasaan Pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Open

Attitudes, Motivation and Gender Factors affecting Level 1 Japanese Language Learning at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Siti Hajar Bidin^{1,*}, Hiyama Junko Abdullah, Nurul Sabrina Zan, Zulida Abdul Kadir, Rosmahalil Azrol Abdullah

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 28 February 2019

Received in revised form 1 April 2019

Accepted 13 June 2019

Available online 19 August 2019

ABSTRACT

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti motivasi, sikap dan jantina yang mempengaruhi pembelajaran Bahasa Jepun di UTHM secara berkesan. Subjek Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan satu daripada subjek elektif wajib bagi pelajar UTHM. Kajian ini bersifat kuantitatif dan borang soal selidik digunakan dalam mendapatkan data yang diperlukan. Seramai 250 pelajar UTHM yang telah mengambil subjek Bahasa Jepun Tahap 1 menjadi responden dalam kajian ini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana faktor motivasi mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bahasa kedua, dalam konteks pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM. Pelajar-pelajar terdiri daripada 102 orang lelaki dan 148 orang perempuan, berumur dalam lingkungan 19 hingga 23 tahun. Berdasarkan hasil kajian dapatlah dikenalpasti faktor tertinggi bagi sikap dan motivasi yang membantu pembelajaran bahasa kedua dengan lebih berkesan. Faktor penyumbang tertinggi yang menjadi motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Jepun adalah kerana keinginan pelajar untuk pergi ke Jepun. Manakala faktor tertinggi bagi sikap yang membantu dalam penguasaan bahasa kedua dengan lebih cepat adalah dengan menyiapkan latihan dan tugas yang diberi. Dari segi jantina pula, didapati peratus pencapaian pelajar lelaki dalam gred yang lebih baik adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus pencapaian pelajar perempuan dalam gred yang sama.

This study was conducted to identify the motivations, attitudes and gender that influence Japanese language learning at UTHM effectively. The Level 1 Japanese Subject at Tun Hussein Onn University Malaysia (UTHM) is one of the compulsory elective subjects for UTHM students. This study is quantitative and the questionnaire form is used to obtain the required data. A total of 250 UTHM students who had taken the Level 1 Japanese subject were respondents in this study. The purpose of this study was to see how motivational factors influence the effectiveness of second language learning, in the context of Level 1 Japanese learning at UTHM. The students consist of 102 boys and 148 girls, aged between 19 and 23. Based on the findings, it is possible to

* Corresponding author.

E-mail address: sitihajar@uthm.edu.my (Siti Hajar Bidin)

identify the highest factors of attitude and motivation that help second language learning more effectively. The highest contributing factor that motivates students to learn Japanese is because they want to go to Japan. While the highest factor in helping a second language learner is faster in completing the training and assignments given. On the other hand, it was found that the percentage of student achievement in the grade was higher than the percentage of female achievement in the same grade.

Keywords:

Sikap, motivasi, jantina, pembelajaran
Bahasa Jepun

*Attitude, motivation, gender, learning
Japanese*

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pendahuluan

Dewasa ini, pembelajaran bahasa kedua menjadi salah satu elemen penting dalam membentuk kemahiran insaniah. Pembelajaran bahasa kedua dapat menjadi medium untuk membina teknik komunikasi yang efektif dalam kemahiran bersosial. Kajian yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa kedua dapat disandarkan kepada teori pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua dalam bidang linguistik. Pembelajaran bahasa kedua juga dipengaruhi oleh faktor-faktor afektif seperti motif, keperluan, sikap dan keadaan emosi. Beliau menggunakan istilah ‘filter’ untuk merujuk faktor-faktor afektif yang menapis keluar bahagian-bahagian tertentu daripada persekitaran bahasa pelajar.

Pemerolehan bahasa kedua boleh didefinisikan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui bahasa asas yang pertama, yang bermula pada peringkat umur lima tahun atau selepasnya [15]. Bahasa kedua juga didifinisikan sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada.

Dalam pembelajaran bahasa kedua, terdapat pelbagai faktor yang mendorong seseorang untuk memilih sesuatu bahasa untuk dipelajari. Faktor-faktor disebut sebagai motivasi pelajar untuk memilih dan meneruskan pembelajaran sesuatu bahasa kedua. Menurut Noor Aina Dani [19], beliau menyatakan terdapat tiga jenis motivasi yang mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. Motivasi tersebut terdiri daripada motivasi integratif, motivasi instrumental dan motivasi pengiktirafan kumpulan sosial.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti motivasi dan sikap yang dapat memberi kesan terhadap pembelajaran bahasa kedua. Kajian ini turut bertujuan untuk melihat sejauhmana perbezaan jantina dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Kajian dijalankan dengan melihat pembelajaran bahasa kedua dalam konteks pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kursus Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM merupakan satu daripada kursus elektif wajib bagi pelajar. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar Diploma dan Sarjana Muda dengan memperuntukkan sebanyak dua jam kredit dengan tiga jam pertemuan bagi setiap minggu selama 14 minggu (satu semester). Pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun ini terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza. Perbezaan mereka adalah dari segi umur, jantina, kelayakan pendidikan dan kaum.

2. Permasalahan Kajian

Pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing atau bahasa kedua di Malaysia semakin meluas. Bahasa Jepun sebagai bahasa asing bukan sahaja di ajar di sekolah-sekolah, malahan turut diajar institusi-institusi pengajian tinggi. Tidak terkecuali di UTHM. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pelajar memilih untuk mempelajari bahasa Jepun di UTHM. Penyelidik cuba untuk

mengkaji faktor-faktor yang mendorong seseorang pelajar untuk memilih bahasa Jepun sebagai bahasa kedua yang ingin dipelajari. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana faktor-faktor ini menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan dan menjadi motivasi dan dorongan terhadap pembelajaran mereka.

Faktor sikap turut mempunyai perkaitan yang rapat dengan pencapaian seseorang dalam menguasai pembelajaran bahasa kedua. Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan cepat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sejauh mana sikap menjadi penyumbang kepada keberkesanan pembelajaran bahasa Jepun di UTHM dan sekaligus dapat merumuskan faktor-faktor yang membantu dalam penguasaan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UTHM. Faktor sikap akan mempengaruhi tahap motivasi seseorang pelajar dalam pembelajaran dan begitu juga sebaliknya.

Selain daripada faktor sikap dan motivasi, penyelidik turut melihat sejauh mana faktor jantina turut mempengaruhi keberkesanan dalam pembelajaran bahasa Jepun di UTHM. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara lelaki dan perempuan dalam proses pembelajaran di sekolah [6].

3. Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab tiga persoalan, iaitu:

1. Apakah jenis-jenis motivasi dan sikap yang mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UTHM?
2. Apakah jenis-jenis motivasi dan sikap yang dominan dalam mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Jepun di kalangan pelajar UTHM?
3. Adakah perbezaan jantina akan mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Jepun?

4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti motivasi dan sikap yang mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua dalam konteks kajian pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UTHM.
2. Menyenaraikan motivasi dan sikap yang dominan yang menyumbang kepada penguasaan pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UTHM.
3. Mengenalpasti jantina yang lebih dominan dalam pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM.

5. Sorotan Kajian

Istilah motivasi berasal daripada perkataan latin *move* bermaksud bergerak. Dalam Kamus Dewan Edisi keempat [14], pula menjelaskan motivasi ialah:


1) keinginan yang keras atau semangat yang kuat kepada diri sendiri yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan, sikap dan motivasi terhadap pembelajaran sesuatu bahasa merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan seseorang pelajar yang ingin mempelajari sesuatu bahasa,

2) sesuatu yang membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dengan penuh minat.

Kebiasaannya, istilah jantina diuraikan sebagai perbezaan antara lelaki dan perempuan hasil daripada konstruksi sosio-budaya. Dengan kata lain, ia merujuk kepada sifat maskulin (masculinity) dan feminin (femininity) yang dipengaruhi oleh kebudayaan, simbolik, stereotaip dan pengenalan diri.

6. Teori Gardner

Menurut Idham Kholid [12], kajian mengenai motivasi dan sikap sering dikaitkan dengan teori Gardner dalam konteks pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua. Gardner [9] yang terkenal dengan model *Social Psychological* menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa kedua ialah fenomena sosial psikologi.



Rajah 1. Model *Social Psychologist* (Sumber: Gardner [9])

Menurutnya lagi, fenomena dan pembolehubah yang mempengaruhi bagaimana seseorang pelajar mempelajari bahasa kedua.

Gardner [10] telah menyatakan terdapat dua kategori di bawah domain motivasi iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi integratif merupakan keinginan untuk mempelajari dan menjadi sebahagian daripada komuniti bahasa sasaran budaya tersebut. Manakala, motivasi instrumental ialah perasaan di mana dia perlu mempelajari bahasa sasaran bagi memperolehi sesuatu atau matlamat untuk masa depannya seperti kerjaya.

7. Kajian-Kajian Lain

Menurut penyelidik, motivasi adalah sebagai satu entiti hasil daripada pelbagai faktor (*multi factorial*) dan tahapnya boleh berubah dari semasa ke semasa. Menurut Oxford dan Shearin [21], terdapat enam faktor yang memberi kesan kepada pembentukan motivasi iaitu: 1) sikap terhadap bahasa sasaran, 2) kepercayaan diri, 3) matlamat, 4) penglibatan, 5) persekitaran dan 6) nilai diri. Berdasarkan kajian Abdul Hakim *et al* [1] mengenai motivasi pelajar terhadap pengajian bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan Agama mendapati bahawa sikap memainkan peranan penting yang mempengaruhi penguasaan bahasa kedua.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat [14], sikap membawa maksud 1) pasti, tegas, tentu, tetap; 2) lawan negatif (elektrik dll); 3) gambar yang diambil dengan kamera yang sudah jadi (bukan dalam filem), gambar foto yang sebenarnya (bukan negatif); 4) memperlihatkan (mengemukakan, menekankan, dsb) sesuatu yang baik atau yang boleh mendatangkan manfaat dsb: sikap-sikap ~ ;

mepositifkan menjadikan positif (pasti, baik, membina, dsb): beberapa langkah perlu diambil untuk ~ pengaruh media dan komunikasi terhadap keluarga dan remaja; anda perlu ~ pemikiran anda; kepositifan perihal, keadaan atau sifat positif (pasti, baik, membina dsb).

Menurut Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah [25] sikap mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Tambah mereka lagi, sikap ialah sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Hasil kajian mereka di Universiti Teknologi Malaysia mendapat nilai peratusan bagi sikap dan motivasi ialah tinggi dan positif.

Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar tersebut dapat mempelajari dan menguasai sesuatu bahasa dengan cepat. Senario yang sama turut berlaku dalam kajian lain di mana nilai peratusan sikap yang tinggi dan positif dipamerkan oleh responden yang mempelajari bahasa Melayu.

Pencapaian pelajar berdasarkan perbezaan jantina turut mendapat perhatian dari ramai pengkaji. Kajian yang dilakukan oleh Akihiko [3] terhadap pelajar-pelajar persediaan di Indonesia yang akan melanjutkan pengajian ke Jepun, telah mendapat bahawa terdapat perbezaan dari segi motivasi antara lelaki dan perempuan dalam pembelajaran Bahasa Jepun sebagai bahasa kedua. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar lelaki mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan dalam kajian ini.

Kajian ini disokong oleh kajian Busch [5] mengenai gender dalam tahun 1980-an dan awal 1990-an yang berkisar mengenai isu kecekapan kendiri pelajar dalam matapelajaran Sains, Matematik dan juga penggunaan komputer. Kajian ini turut menunjukkan pencapaian yang agak ketara antara lelaki dan perempuan di mana kajian-kajian tersebut merumuskan bahawa pelajar lelaki mempunyai kecekapan kendiri yang lebih berbanding dengan pelajar perempuan dalam bidang berkenaan.

Kajian oleh Arnot, David dan Weiner [4] pula melaporkan bahawa pelajar perempuan berusia 7, 11 dan 14 tahun memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar lelaki dalam usia yang sama. Kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Danuta [11] yang mendapat bahawa pencapaian pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam kajianya yang melihat kepada pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dapatkan ini menguatkan lagi daptan sosio-linguistik yang mendapat pencapaian pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki, di mana pelajar perempuan lebih bersikap terbuka dalam menerima bentuk-bentuk bahasa yang baru [8].

Kajian yang dilakukan oleh Gokhan [22] yang melihat kesan perbezaan jantina terhadap motivasi dalam pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing mendapat motivasi pelajar perempuan dalam pembelajaran bahasa asing adalah lebih tinggi berbanding dengan motivasi pelajar lelaki. Data kajian ini turut menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai keyakinan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki apabila bertutur dalam Bahasa Inggeris.

8. Metodologi

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk diskriptif. Dalam kajian ini, penyelidik ingin melihat sejauh mana faktor-faktor sikap dan motivasi dapat membantu pembelajaran Bahasa Jepun dengan lebih berkesan. Terdapat 250 orang pelajar (102 orang lelaki dan 148 orang perempuan) dari pelbagai fakulti berumur antara 19 hingga 25 tahun, telah terlibat dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Dalam mengukur sejauh mana faktor-faktor ini dapat membantu keberkesanan pembelajaran bahasa kedua dalam konteks pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1, borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar yang telah mengambil subjek Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM.

Borang soal selidik ini diadaptasi dari kajian Dornyei and Crizer [7]. Pengedaran soal selidik bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap persoalan-persoalan kajian serta maklumat yang diperlukan.

Terdapat 3 bahagian di dalam borang soal selidik yang diedarkan, iaitu Bahagian A yang merupakan demografi pelajar, Bahagian B yang merupakan soalan mengenai sikap dalam pembelajaran Bahasa Jepun dan Bahagian C yang meruapakan motivasi mereka dalam mempelajari Bahasa Jepun. Terdapat 6 soalan mengenai latar belakang responden, 7 soalan untuk Bahagian B dan 10 soalan untuk Bahagian C. Responden dikehendaki untuk menjawab semua soalan.

Data yang diperolehi dari soal selidik dianalisa menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Ujian “Reliability Analysis-Scale Alpha” telah dijalankan menerusi perisian SPSS versi 22 dan hasilnya didapati kebolehpercayaan semua item dalam soal selidik tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.791. Walau bagaimanapun nilai kesahihan soal selidik adalah 0.82. Analisa deskriptif dijalankan untuk mendapatkan min, mod, kekerapan, peratusan, dan sisihan piawai.

9. Dapatan Kajian

9.1 Latar Belakang Responden

Terdapat 250 orang responden yang terdiri daripada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang telah mengambil subjek Bahasa Jepun Tahap 1. Responden terdiri 102 (40.8%) orang pelajar lelaki dan 148 (59.2%) orang pelajar perempuan. Responden berumur dalam lingkungan 19 hingga 25 tahun. Mereka terdiri daripada pelbagai kaum dengan majoriti responden adalah dari kaum Melayu iaitu seramai 127 orang (50.8%) dan kaum Cina seramai 106 orang (42.4%).

Kesemua responden telah mengambil subjek Bahasa Jepun Tahap 1 dan telah lulus dalam subjek berkenaan. Data yang diperolehi daripada 250 orang responden ini, menunjukkan 61.6% (154 orang) daripada mereka mendapat keputusan yang baik (A+, A, A-) dalam subjek ini. 34.8% (87 orang) mencapai keputusan yang sederhana (B+, B, B-). Manakala selebihnya mencapai keputusan yang agak lemah tetapi masih dalam kategori lulus iaitu 3.6% (9 orang) dengan gred (C+, C, C-).

9.2 Faktor Sikap Yang Membantu Penguasaan Bahasa Jepun Dengan Lebih Berkesan

Berdasarkan Jadual 1, responden diminta membuat penilaian dengan memberikan skala dari 1 hingga 5 iaitu dari sangat tidak setuju kepada sangat setuju. Responden telah memilih sikap yang kelima iaitu dengan menyiapkan semua tugas yang diberi amat membantu mereka dalam menguasai pembelajaran Bahasa Jepun dengan lebih cepat dan berkesan. Faktor ini sememangnya amat penting terutamanya dalam memahami apa yang mereka pelajari dalam bilik kuliah. Faktor sikap ini mendapat nilai purata yang tinggi iaitu sebanyak 4.432. Ianya diikuti oleh sikap yang pertama iaitu responden belajar disebabkan oleh kemauhan mereka sendiri. Sememangnya faktor ini amat membantu dalam penguasaan yang lebih berkesan. Nilai purata bagi faktor sikap ini adalah sebanyak 4.420. Faktor yang terendah dari segi nilainya adalah faktor yang berlawanan dengan faktor yang kedua iaitu faktor mempelajari Bahasa Jepun kerana tiada pilihan lain yang ditawarkan. Kebanyakan daripada responden tidak bersetuju dengan faktor ini. Disebabkan itu faktor ini mendapat nilai purata yang paling rendah iaitu sebanyak 1.952 sahaja.

Jadual 1

Analisa sikap yang dapat membantu penguasaan yang lebih baik dalam pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1.

Deskriptif Statistik

Sikap	N	Min	Mak	Min	Std. Deviation
1. Saya belajar Bahasa Jepun kerana kehendak saya sendiri	250	1.00	5.00	4.420	.81379
2. Saya belajar Bahasa Jepun kerana saya tiada pilihan lain	250	1.00	5.00	1.952	1.02856
3. Saya ingin tahu banyak perkara dalam Bahasa Jepun	250	1.00	5.00	4.340	.75010
4. Saya menumpukan perhatian ketika pensyarah menerangkan tentang subjek Bahasa Jepun semasa kuliah	250	1.00	5.00	4.384	.77391
5. Saya menyiapkan semua tugas yang diberikan kepada saya	250	1.00	5.00	4.432	.81980
6. Saya akan bertanya kepada pensyarah jika ada perkara yang saya tidak fahami ketika kuliah	250	1.00	5.00	3.872	.82117
7. Saya akan mengulangkaji subjek Bahasa Jepun setiap kali selepas kuliah	250	1.00	5.00	3.832	.92910

Seterusnya faktor-faktor sikap lain yang turut menyumbang kepada pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 yang lebih berkesan adalah sikap responden dalam memberikan tumpuan semasa pensyarah menerangkan tentang subjek tersebut semasa kuliah. Faktor sikap ini mendapat nilai purata sebanyak 4.384. Seterusnya diikuti oleh faktor sikap ingin tahu responden itu sendiri dalam menguasai Bahasa Jepun. Nilai purata bagi faktor ini adalah sebanyak 4.340. Faktor sikap yang tidak kurang pentingnya dalam pembelajaran Bahasa Jepun adalah sikap responden yang akan bertanya kepada pensyarah jika ada perkara yang tidak faham semasa kuliah. Nilai purata bagi faktor ini sebanyak 3.872. Seterusnya sikap responden yang mengulangkaji subjek Bahasa Jepun setiap kali tamat waktu kuliah mempunyai nilai purata sebanyak 3.832.

9.3 Faktor Motivasi Yang Membantu Penguasaan Bahasa Jepun Dengan Lebih Berkesan

Berdasarkan Jadual 2, responden turut diminta membuat penilaian dengan memberikan skala dari 1 hingga 5 iaitu dari sangat tidak setuju kepada sangat setuju. Soal selidik dalam Jadual 2 digunakan untuk melihat sejauh mana responden bersetuju dengan motivasi-motivasi ini dalam menyumbang kepada pembelajaran Bahasa Jepun dengan lebih berkesan. Hasil daripada soal selidik ini didapati bahawa motivasi ke-5 iaitu keinginan para pelajar untuk pergi ke Jepun merupakan faktor motivasi yang tertinggi yang mendorong mereka untuk mempelajari Bahasa Jepun dengan nilai purata sebanyak 4.644. Seterusnya, motivasi yang kedua tertinggi dari segi nilai puratanya adalah

motivasi pertama iaitu keinginan dan minat mereka dalam mempelajari Bahasa Jepun itu sendiri, iaitu dengan nilai purata sebanyak 4.452. Motivasi yang mendapat nilai purata ketiga tertinggi adalah kerana minat para pelajar terhadap budaya dan cara hidup masyarakat Jepun itu sendiri dengan nilai purata 4.324. Tidak dinafikan budaya dan cara hidup Jepun yang sangat sistematik dan teratur membuatkan banyak pihak kagum dan ingin menjadi seperti masyarakat mereka.

Jadual 2

Analisa motivasi yang dapat membantu penguasaan yang lebih baik dalam pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1.

Deskriptif Statistik						
Sikap	N	Min	Mak	Min	Std. Deviation	
1. Saya berminat untuk mempelajari Bahasa Jepun	250	1.00	5.00	4.452	.75497	
2. Saya suka mempunyai kawan dalam kalangan orang Jepun	250	1.00	5.00	4.016	1.01383	
3. Saya suka makanan Jepun	250	1.00	5.00	4.036	.93713	
4. Saya suka pada budaya dan cara hidup orang Jepun	250	1.00	5.00	4.324	.79848	
5. Saya mahu pergi ke Jepun	250	1.00	5.00	4.644	.69223	
6. Saya mahu menyambung pengajian saya ke Jepun	250	1.00	5.00	3.976	.90037	
7. Saya suka menonton drama/filem/anime dalam Bahasa Jepun	250	1.00	5.00	4.180	1.01969	
8. Saya suka majalah/komik dalam Bahasa Jepun	250	1.00	5.00	3.764	1.08490	
9. Bahasa Jepun merupakan bahasa yang paling penting di Malaysia	250	1.00	5.00	3.400	.87353	
10. Dengan menguasai Bahasa Jepun, lebih mudah untuk saya mendapatkan pekerjaan apabila saya tamat pengajian saya di university	250	1.00	5.00	4.100	.89285	

Faktor motivasi yang mendapat nilai purata yang terendah adalah motivasi yang ke-9 iaitu kepentingan Bahasa Jepun di Malaysia dengan nilai purata 3.400. Didapati responden tidak begitu bersetuju bahawa Bahasa Jepun adalah bahasa yang penting di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa, jika bahasa Jepun adalah bahasa yang penting di Malaysia, maka motivasi mereka untuk mempelajari bahasa tersebut akan menjadi lebih tinggi. Motivasi yang mendapat nilai purata yang kedua terendah dengan nilai purata sebanyak 3.764 adalah motivasi yang ke-8 iaitu minat mereka terhadap majalah/komik dalam Bahasa Jepun. Seterusnya, motivasi yang mendapat nilai purata yang ketiga

terendah dengan nilai purata sebanyak 3.976 adalah motivasi yang ke-6 iaitu keinginan pelajar untuk menyambung pengajian mereka ke negara Jepun. Motivasi-motivasi ini mendapat nilai purata yang agak rendah disebabkan bukan semua pelajar mempunyai minat terhadap komik dan majalah dalam Bahasa Jepun. Begitu juga dengan keinginan untuk menyambung pengajian di Jepun. Sekiranya mereka ada minat dan keinginan tersebut, pastinya motivasi mereka dalam mempelajari Bahasa Jepun akan menjadi lebih tinggi.

Selain daripada tiga bentuk motivasi yang mempunyai nilai purata tertinggi dan tiga yang terendah, motivasi-motivasi lain turut menyumbang kepada keberkesanan pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM. Antaranya adalah seperti motivasi yang ke-2, ke-3, ke-7 dan ke-10. Setiap daripada satunya mendapat nilai purata 4.016, 4.036, 4.180 dan 4.100. Ini menunjukkan bahawa ramai juga pelajar yang bersetuju bahawa motivasi-motivasi ini turut menyumbang kepada pembelajaran Bahasa Jepun yang lebih berkesan.

9.4 Perbezaan Jantina Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Jepun Dengan Lebih Berkesan

Jadual 3 menunjukkan pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Jepun Tahap 1 mengikut tiga gred pencapaian, iaitu (A+, A, A-), (B+, B, B-) dan (C+, C, C-). Melalui kajian ini, turut diperolehi bahawa latar belakang demografi seperti jantina turut mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar dalam mempelajari Bahasa Jepun sebagai bahasa kedua.

Bagi latar belakang demografi mengikut jantina pula, didapati bahawa purata tertinggi adalah pada gred (A+, A, A-) bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan. Turut diperolehi bahawa peratus pencapaian pelajar lelaki pada gred ini adalah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian pelajar perempuan. Peratus pencapaian antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan pada gred ini tidaklah begitu ketara, iaitu pencapaian lelaki sebanyak 63.7 peratus, manakala bagi perempuan adalah sebanyak 60.1 peratus.

Walaupun perbezaan ini tidak begitu ketara, namun didapati bahawa peratus pencapaian pelajar lelaki dalam subjek Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian pelajar perempuan. Dapatan ini bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Akihiko [3] terhadap pelajar-pelajar persediaan di Indonesia yang akan melanjutkan pengajian ke Jepun, mendapatkan bahawa pelajar lelaki mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

Jadual 3

Analisa keputusan pelajar mengikut demografi kaum, kelulusan akademik masuk ke UTHM dan juga jantina.

Deskriptif Statistik						
Demografi			Keputusan Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM (%)			
			(A+,A, A-)	(B+,B, B-)	(C+,C, C-)	% Responden
Jantina	L	Bil	65	33	4	102
		%	63.7%	32.4%	3.9%	100.0%
	P	Bil	89	54	5	148
		%	61.6%	36.5%	3.4%	100.0%

Dapatan ini turut menyokong kajian yang dilakukan oleh kajian Busch [5] mengenai gender yang dilakukan dalam tahun 1980-an dan awal 1990-an yang mendapati bahawa kecekapan kendiri pelajar dalam matapelajaran Sains, Matematik dan juga penggunaan komputer menunjukkan pelajar lelaki mempunyai kecekapan kendiri yang lebih berbanding dengan pelajar perempuan. Walaupun kajian ini bukan terhadap pembelajaran bahasa kedua, namun kajian ini menunjukkan tentang keberkesanan pembelajaran mengikut pada perbezaan jantina.

Kajian oleh Arnot, David dan Weiner [4], Danuta [11] dan Gokhan [22] pula mendapati hasil yang bertentangan dengan kajian ini, dimana kajian-kajian mereka mendapati pencapaian pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki. Dapatan- dapatan dalam kajian mereka menguatkan lagi dapatan sosio-linguistik yang mendapati pencapaian pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki, di mana pelajar perempuan lebih bersikap terbuka dalam menerima bentuk-bentuk bahasa yang baharu [8].

Jadual 3 menunjukkan bahawa pada gred (B+, B, B-) pelajar perempuan mendapat nilai peratus yang lebih tinggi berbanding dengan nilai peratus pelajar lelaki. Nilai peratus pelajar perempuan pada gred ini adalah sebanyak 36.5 peratus berbanding dengan nilai peratus pelajar lelaki sebanyak 32.4 peratus. Pada gred (C+, C, C-) pula peratus yang lebih tinggi adalah pada pencapaian pelajar lelaki dengan 3.9 peratus berbanding dengan peratus pencapaian pelajar perempuan sebanyak 3.4 peratus sahaja. Data ini menunjukkan bahawa peratus pencapaian pelajar perempuan adalah tinggi pada gred sederhana dalam pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM.

10. Kesimpulan

Keberkesanan pembelajaran sesuatu bahasa kedua didorong oleh pelbagai faktor. Antara faktor yang penting adalah pada sikap dan juga motivasi yang ada pada seseorang pelajar itu. Sikap dan motivasi yang mendorong mereka untuk menguasai sesuatu pembelajaran bahasa yang baharu adalah berbeza bagi setiap individu. Dalam konteks kajian ini, dapat dilihat jenis-jenis sikap dan motivasi yang paling mendorong kepada penguasaan pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 yang lebih berkesan. Tidak dapat dinafikan bahawa sikap dan motivasi akan saling berkait antara satu sama lain dalam pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM. Kesimpulannya bahawa sikap yang positif dan juga tahap motivasi yang tinggi dapat mendorong penguasaan Bahasa Jepun Tahap 1 yang lebih cepat dan berkesan. Semakin tinggi tahap motivasi yang dimiliki oleh seseorang pelajar, semakin tinggi keinginan mereka untuk menguasai bahasa tersebut dengan lebih cepat dan berkesan. Hasil kajian ini amat bersetujuan dan bertepatan dengan teori Gardner [10].

Selain daripada itu, kajian ini turut menunjukkan bahawa faktor demografi seperti perbezaan jantina juga mempengaruhi keberkesanan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM. Dapatan kajian ini menunjukkan peratus pencapaian pada gred (A+, A, A-) adalah lebih tinggi pada pencapaian pelajar lelaki. Melalui dapatan ini dapat disimpulkan bahawa dalam kajian yang melihat keberkesanan pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di UTHM pelajar lelaki lebih mendominasi pencapaian dalam gred yang baik walaupun peratus perbezaan ini tidaklah begitu ketara.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang berbesar hati untuk menaja penyelidikan ini di bawah geran penyelidikan jangka pendek Vot U373

Rujukan

- [1] Abdullah, Abdul Hakim, Ab Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah, and Hafisah Zakaria. "Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan." (2014): 1-10.
- [2] Zubairi, Ainol Madziah, and Isarji Hj Sarudin. "Motivation to learn a foreign language in Malaysia." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 9, no. 2 (2009).
- [3] Akihiko Yamamoto (2014). *Nihongo Gakushuusha no gakusyuu iyoku no henka to sono youin*. Thesis Ph.D. Graduate School of Language Education.Tokyo: Takushoku University.
- [4] Arnot, M., David, M., dan Weiner, G. (1995). Educational reform and gender equality in school. Dalam Gaine, G. Dan Geoge, R. *Gender, race and class in schooling: A new introduction*. London: Falmer Press.
- [5] Busch, Tor. "Gender differences in self-efficacy and academic performance among students of business administration." *Scandinavian Journal of Educational Research* 39, no. 4 (1995): 311-318.
- [6] Coates, J. (1998). *Woman, Men and Language: A Sosiolinguistic Account of Gender Differences in Language*. 3rd Ed (Reissued). Routledge. London. Blackwell.
- [7] Dörnyei, Zoltán, and Kata Csizér. "Some dynamics of language attitudes and motivation: Results of a longitudinal nationwide survey." *Applied linguistics* 23, no. 4 (2002): 421-462.
- [8] Ellis, R. (2012). *The study of second language acquisition* (2nd Ed.). Oxford: Oxford University Press.
- [9] Gardner, Robert C. *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. Arnold, 1985.
- [10] Gardner, Robert C., and Wallace E. Lambert. "Attitudes and Motivation in Second-Language Learning." (1972).
- [11] Główka, Danuta. "The impact of gender on attainment in learning English as a foreign language." *Studies in Second Language Learning and Teaching* 4, no. 4 (2014): 617-635.
- [12] Kholid, Idham. "Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Asing." *English Education: Jurnal Tadris Bahasa Inggris* 10, no. 1 (2017): 61-71.
- [13] Mahamod, Zamri. "Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1, no. 1 (2016): 13-25.
- [14] Dewan, Kamus. "Edisi keempat." *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka* 823 (2005).
- [15] Krashen, Stephen. "Principles and practice in second language acquisition." (1982).
- [16] Krashen, Stephen D. (1988). *Second language acquisition and second language learning*. Prentice-Hall International.
- [17] Hieda, Natsue, and Maserah Shabudin. "Sikap Mahasiswa UKM Terhadap Bahasa Jepun: Satu Kajian Kes." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 14, no. 1 (2014).
- [18] Amzah, Normalis, Natsue Hieda, and Mimiko Nezu. "Penyerapan unsur budaya dalam pembelajaran bahasa Jepun." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 12, no. 2 (2012).
- [19] Noor Aina Dani (2007). *Siri penataran bahasa dan sastera: pengantar psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- [20] Okamura Megumi, Kitade Rie (2012). Language learning beliefs among Malaysian university students learning Japanese. Proceeding The 9th Conference on Japanese Language Education in Malaysia, 33-41.
- [21] Oxford, Rebecca, and Jill Shearin. "Language learning motivation: Expanding the theoretical framework." *The modern language journal* 78, no. 1 (1994): 12-28.
- [22] Öztürk, Gökhan, and Nurdan Gürbüz. "The impact of gender on foreign language speaking anxiety and motivation." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 70 (2013): 654-665.
- [23] Raymond J. Corsini (1990). *The Dictionary of Psychology*. Philadelphia: Psychology Press, h. 405
- [24] The National Institute for Japanese Language (2005). *Kajian mengenai situasi dan kaedah pembelajaran bahasa Jepun, Laporan Lengkap Data Kajian*: Malaysia.
- [25] Nasir, Zaliza Mohamad, and Zaitul Azma Zainon Hamzah. "Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 134 (2014): 408-415.
- [26] Mahamod, Zamri. "Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah." *Unpublished Ph. D thesis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia* (2004).